

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

### Bahagian 4

#### Sambungan Ringkasan Perjalanan Hidupnya

Di dalam perdebatan itu, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah diberi sokongan oleh golongan al-‘ulamā’ dari Tihāmah, termasuk asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy. Dan di pihak lawan pula adalah golongan al-fuqahā’ dari ‘Asīr, termasuklah Nāṣir ibn Muḥammad al-Kubaibī dan ‘Abdullāh ibn Surūr al-Yamī.

Telah bercerita asy-Syaikh al-Ḥasan ibn Aḥmad ‘Ākisy mengenai perdebatan itu:

Apabila ahli-ahli majlis itu telah mengambil tempat dan ia sudah dipenuhi dengan manusia, al-Faqīh Nāṣir al-Kubaibī pun melegakan tekaknya. Dia telah bermula dengan memberikan satu khutbah dan telah memuji-muji kerja dakwah si Najdī itu (yakni asy-Syaikh Muḥammad ibn ‘Abdul Wahhāb). Inti dakwaannya ialah manusia telah berada di dalam kejahilan, dan telah menyembah berhala, dan telah menghalalkan perkara-perkara yang haram. Maka Muḥammad ibn ‘Abdul Wahhab telah mencurahkan tenaganya untuk berdakwah.

Kemudian, as-Saiyid Aḥmad (yakni al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs) telah berkata, “Perkataan yang sebenar ialah Allāh telah membangkitkan utusanNya Muḥammad ibn ‘Abdullāh, ke atasnya sebaik-baik selawat dan salam, dan dialah yang telah membebaskan manusia dari kejahilan dan menanggung beban kerasulan dan menentukan syariat Islam.”

Al-Kubaibī telah berkata pula, “Muḥammad ibn ‘Abdul Wahhab adalah seorang pembaharu (mujaddid) Islam!”

Maka telah berkata pula as-Saiyid Aḥmad, “Kami tidak menafikan kebajikannya. Dia bermaksud baik di dalam perbuatannya. Dia telah berusaha untuk membuang segala bidaah dan amalan yang baru. Tetapi dakwahnya itu telah dicemarkan oleh perbuatan yang berlebih-lebihan. Dia telah mengkafirkan orang-orang yang mempercayai Allāh Ta‘ālā dari kalangan penganut-penganut Islam, dan telah menghalalkan penumpahan darah mereka, dan perampasan harta-harta mereka, tanpa dalil yang kukuh.”

Al-Kubaibī telah menjawab, “Dia hanya melakukan yang benar!”

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Maka telah berkata pula as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs, “Dia hanyalah seorang ‘ālim dari golongan al-‘ulamā’. Dan tiada sesiapa pun yang terpelihara [daripada membuat kesilapan] selain golongan al-anbiyā’. Kadangkala dia telah tersilap, dan kadangkala dia benar. Dan jika dia benar, dia akan mendapat dua ganjaran. Manakala jika dia membuat kesilapan, dia akan mendapat satu ganjaran. Kesilapan-kesilapannya boleh dimaafkan, tetapi untuk bertaklid kepadanya di dalam mengikuti kesalahan-kesalahannya, adalah dilarang. Itulah yang telah ditentukan oleh Allāh Ta‘ālā berdasarkan tahap ilmunya. Manakala engkau pula, kerana kejahilanmu, telah terputus daripada mengambil dalil-dalilnya dan daripada mengetahui keluasan jalannya.”

Telah berkata pula al-Kubaibī, “Syirik yang besar telah melanda serata tempat, dan manusia seluruhnya telah murtad dari Islam, di Timur dan di Barat, di Yemen dan di Syām (ungkapan yang bermaksud di Selatan dan di Utara). Dan kalaulah tidak kerana asy-Syaikh Muḥammad telah berusaha memperbaharukan Islam, sudah tentu manusia masih berada di dalam kegelapan kekufuran!”

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Semoga kita dipelihara Allāh Ta‘ālā [daripada berfikir sedemikian]! Itu bukannya jalan yang telah ditempuh oleh asy-Syaikh Muḥammad ibn ‘Abdul Wahhāb. Engkau adalah seorang yang masih muda, sedangkan aku pula telah berkenalan dengan Sa‘ūd ibn ‘Abdul ‘Azīz di Makkah, dan para ‘ulamā’ yang ikut serta dengannya. Juga dengan anak-anak lelaki asy-Syaikh Muḥammad ibn ‘Abdul Wahhāb, yakni ‘Abdullāh, Ḥusain dan Sulaimān.

Mereka semua adalah orang-orang yang berilmu. Mereka semua tahu bagaimana caranya untuk berbahas secara rasional, dan jika hasil dari perbahasan itu nyata, mereka akan menerimanya. Apa yang telah diyakini oleh mereka, tidaklah sama seperti yang telah engkau katakan. Mereka semua bebas daripada segala dakwaanmu.

Dan sesungguhnya, engkau telah dibesarkan di sebuah negeri yang penduduk-penduduknya adalah orang-orang awam. Dan engkau tidak mengenali sesiapa pun yang dapat memimpinmu ke arah yang benar. Malah [seperti yang pernah diucapkan di dalam sebuah rangkap puisi Abū Nuwās]:

Memang engkau telah menghafal satu perkara,  
Tetapi engkau telah terlupa pula banyak perkara.

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Adapun tentang tuduhan yang mengatakan bahawa seluruh umat Muḥammad pada setiap negeri Islam telah jatuh ke dalam syirik yang besar dan kesesatan am, ada dalil yang dapat menolaknya.

Al-Muṣṭafā (yakni Rasūlullāh) ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam pernah bersabda yang umat baginda adalah separuh daripada jumlah para penghuni syurga. Dan ini adalah di sebalik fakta [yang mengatakan bahawa] telah berlalu beberapa kurun sejak Ādam ṣalawātullāhi ‘alaihi, sehingga waktu dibangkitkan nabi kita Muḥammad ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, beribu-ribu tahun lamanya. Dan banyaknya umat-umat yang telah hidup dalam masa itu, hanya Tuhan Pengatur sekalian alam jua yang mengetahui bilangannya. Dan mereka (yakni umat Muḥammad) masih tetap akan memenuhi separuh dari syurga. Maka timbangkanlah kata-katamu dengan neraca syarak untuk mengetahui kesalahanmu!”

Maka telah berkata pula Nāṣir al-Kubaibī, “Bangunan-bangunan kubur dan kubah-kubah telah didirikan di Yemen kerana keyakinan manusia kepada penghuni-penghuninya!”

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Memang tidak syak lagi bahawa di antara orang-orang awam dan juga orang-orang khas yang rapat dengan mereka, terdapat beberapa kepercayaan yang boleh membawa kepada kekufuran dan syirik. Dan syariat Muḥammad (asy-syar‘ al-muḥammadī) telah dilupakan kerana ketidakpedulian para pemerintah dan kegagalan mereka untuk menuruti petunjuk ahli-ahli ilmu. Memang pada setiap masa dan pada setiap tempat, dunia sentiasa diutamakan [oleh manusia].

Bagaimanapun, di antara mereka yang terpilih dari umat ini, ada sebuah kumpulan (ṭā’ifah) dari golongan al-‘ulamā’ dan juga [dari golongan] yang lain, yang akan sentiasa berdiri menegakkan kebenaran, selagi dunia ini masih wujud. Melalui merekalah, Allāh memelihara syariat, dan mereka semua bebas daripada syirik. Tiada suatu negeri pun yang wujud, tanpa kehadiran mereka.

Maka tidaklah benar untuk menghukum seluruh umat ini dengan kekufuran, semata-mata kerana kejahilan orang-orang awam dan juga kerana ketidakpatuhan kepada syariat oleh orang-orang yang khas daripada mereka. Sesiapa yang menuduh seorang muslim kafir, maka dialah yang telah kafir, berdasarkan nas beberapa hadis.

Dan ada pun tentang kubah-kubah dan bangunan-bangunan kubur itu, ia adalah satu bidaah yang ditegah oleh syariat Muḥammad (asy-syar‘ al-muḥammadī). Ia telah dibina di atas kubur-kubur itu oleh para

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

pemerintah yang jahil dan juga oleh mereka yang berharta dari kalangan orang-orang awam, tanpa melakukan musyāwarah dengan orang yang ‘ālim. Kebatilan tidak harus diberikan perhatian!”

Maka Nāṣir al-Kubaibī pun merasa tidak berdaya untuk memberikan sebarang jawapan. Dia lalu berkata, “Wahai Aḥmad, engkau tidak dapat membuat perbezaan di antara dua agama itu.”

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Tiada tuhan melainkan Allāh. Inilah perbezaan di antara dua agama itu. Subḥānallāh! Bagaimanakah boleh diucapkan kata-kata begini kepada seorang seperti aku? Engkau sesungguhnya telah diberikan keselamatan (yakni dimaafkan) kerana engkau tinggal di padang pasir. Telah tersebut di dalam sebuah hadis (yang diriwayatkan oleh al-Imām at-Tirmidhī), “Sesiapa yang tinggal di padang pasir, kasar perangainya.” Pernah beberapa orang yang kasar dari kalangan penduduk padang pasir bertemu dengan penghulu segala makhluk (yakni Rasūlullāh) ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, dengan tatacara yang telah menyakiti hati baginda, tetapi baginda telah tetap bersabar. Dan bagi kami, ini adalah contoh yang baik [yang kami ikuti].”

Kemudian, telah berkata pula Nāṣir, “Engkau mengikuti pegangan Ibn al-‘Arabī. Dia telah mengajar waḥdah al-wujūd dan telah membenarkan perbuatan Iblis apabila dia enggan sujud kepada Ādam (‘alaihissalām). Al-‘ulamā’ yang silam pernah membincangkan perkara ini. Dan ‘ulamā’ al-Islām yang hidup semasa dengannya, dan juga yang selain daripada mereka, telah menghukumkannya dengan kekufuran (kufr), juga bagi sesiapa yang mengikuti mazhabnya.”

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Ibn al-‘Arabī telah meninggal dunia pada tahun 636 Hijrah (yang lebih tepat ialah pada tahun 638 Hijrah). Dan jarak di antara engkau dan di antara zamannya adalah lebih daripada lima ratus tahun (yang lebih tepat ialah lebih daripada enam ratus tahun). Adakah dia telah berkata-kata sendiri kepada engkau tentang pegangannya yang sebenar itu [seperti yang didakwakan oleh para pengkritiknya], sehingga engkau telah berani melanggar larangan Allāh dengan melontar tuduhan kufr terhadap seorang muslim? Adapun bagi kami, kami yakin dengan keislamannya. Tiada sampai kepada kami sesuatu pun yang bertentangan mengenai dirinya.”

Telah berkata pula Nāṣir, “Iktikadnya itu telah disebutkan di dalam kitab-kitabnya dengan nyata!”

Maka telah menjawab as-Saiyid Aḥmad, “Apakah yang membuat engkau begitu pasti dia telah benar-benar berpegang dengan doktrin itu?”

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

Ada kemungkinan yang ia telah ditokoktambahkan oleh para musuhnya. Jikalau terdapat mana-mana bahagian [di dalam tulisan-tulisan asy-Syaikh Ibn al-‘Arabī] yang tidak engkau fahami atau yang tidak dapat engkau tafsirkan, maka bolehlah engkau panggil bahagian-bahagian itu kekufuran. Tetapi janganlah engkau panggil Ibn al-‘Arabī itu seorang kafir, kerana tiada sekali-kali pun engkau dapat menentukan, berdasarkan hukum-hukum syarak, yang dia itu adalah seorang kafir. (1)

Jika engkau mengenali kebenaran, engkau tidak akan masuk ke dalam bidang ini, kerana keupayaanmu adalah terlalu sempit di dalam setiap hal. Dan engkau pula bukanlah dari kalangan lelaki-lelaki golongan (ṭā’ifah) ini. Dan ahli (atau pakar) bagi setiap bidang seni itu berada di dalam keselamatan hanya pada bidang seni masing-masing sahaja.

Aku akan memberikan satu contoh yang bersesuaian dengan hal ini. Ada seorang lelaki yang memasuki pasar. Dia telah mengenali setiap kedai, barang-barangnya, harga-harganya, jenis-jenis buah-buahan dan jenis-jenis bau-bauan, dan perkara-perkara lain yang terdapat di pasar. Ada seorang lelaki lain yang tidak pernah ke pasar. Mereka bertemu di sebuah majlis. Lelaki yang pernah ke pasar itu telah menceritakan apa yang telah dilihatnya di sana, dan telah menyifatkan apa yang telah dia nampak. Lelaki yang tidak pernah ke pasar itu, telah menyangkal segala yang telah diceritakan olehnya (yakni lelaki yang pernah ke pasar), yang telah disaksikan oleh dua matanya sendiri. Adakah ini kelakuan seorang yang berakal? Sudah tentu tidak. Mereka yang benar-benar berakal akan menganggapnya sebagai seorang yang bodoh dan tolol, kerana dia telah menyangkal perkara yang kebenarannya tidak dia ketahui.

Perkara ini adalah serupa dengan apa yang pernah dikatakan di dalam sebuah puisi :

Jikalau engkau tidak berpengalaman di dalam urusan minda,  
Janganlah bertengkar dengan seorang cendekiawan apabila engkau bertemu dengannya,

Jikalau engkau belum pernah memandang kepada anak bulan,  
Berserahlah kepada (yakni janganlah menyangkal) orang yang telah memandang kepadanya dengan penglihatan matanya sendiri.”

Maka Nāṣir al-Kubaibī pun berkata, “Adapun engkau wahai Aḥmad, para pengikutmu mencium tangan dan kakimu, dan merendahkan diri mereka di hadapanmu, dengan perendahan diri yang tidak patut diberi melainkan kepada Allāh Ta‘ālā sahaja. Ini adalah satu perbuatan syirik. Perendahan diri termasuk sebahagian daripada ibadah, dan ibadah itu tidak boleh ditujukan kepada makhluk.”

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Jikalau engkau mengikuti syariat Muḥammad (asy-syar‘ al-muḥammadī), maka dengarlah apa yang akan aku katakan kepada engkau. Di dalam sebuah hadis yang sahih, telah diriwayatkan bahawa ketika rombongan ‘Abdul Qais datang menemui Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, mereka telah mencium tangan dan kaki baginda (diriwayatkan oleh al-Imām Abū Dāwūd). Malah, pernah dikumpulkan oleh sesetengah al-‘ulamā’ sebuah tulisan kecil mengenai keharusan (yakni dibenarkan) mencium tangan dan kaki, dan di mana telah disebutkan juga beberapa hadis yang mengharuskan seseorang mencium tangan dan kaki Ahlul-Bait dan juga yang lain daripada mereka dari golongan al-‘ulamā’.

Ada pun tentang dakwaanmu yang perbuatan ini termasuk ibadah, kalau engkau benar-benar mengetahui makna ibadah, engkau tidak akan mengatakan yang demikian. Ibadah itu adalah satu perkara, dan memberikan hormat dan beradab-sopan adalah satu perkara yang lain. Menghormati al-‘ulamā’ adalah wajib.

Telah berfirman Allāh Ta‘ālā (Sūrah al-Mujādilah ayat ke-11 yang bermafhum), “Allāh akan menaikkan derajat mereka yang beriman dari kalangan engkau sekalian dan mereka yang berilmu.”

Dan telah bersabda Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam (seperti yang telah diriwayatkan oleh al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal), “Bukanlah daripada kami, orang yang tidak mengenali hak bagi ‘ulamā’ kami.”

Si ‘ālim memiliki hak untuk dihormati dengan menciumi tangannya dan mengakui kelebihanannya. Sesiapa yang menghormati seorang ‘ālim sebenarnya menghormati Allāh dan rasulNya ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam kerana dia (yakni si ‘ālim) adalah seorang pemikul syariat yang mulia. Pada hakikatnya, penghormatan kepada si ‘ālim adalah penghormatan kepada apa yang dipikulnya.

Telah dinyatakan di dalam sebuah hadis (diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī), “Al-‘ulamā’ adalah waris nabi-nabi.”

Jikalau mereka adalah waris-waris bagi nabi-nabi, penghormatan yang diberikan kepada orang-orang yang mereka warisi juga sepatutnya diberikan kepada mereka, sebagaimana telah menjadi kewajipan bagi mereka untuk menyampaikan syariat.

Begitu juga telah disebutkan di dalam sebuah hadis yang malaikat-malaikat merendahkan sayap-sayap mereka kepada orang yang sedang menuntut ilmu (diriwayatkan oleh al-Imām Abū Dāwūd).

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

Dan jikalau para malaikat, yang merupakan kumpulan yang terpilih dari kalangan makhluk Allāh, sanggup merendahkan sayap-sayap mereka, apakah yang harus dilakukan oleh orang-orang yang lain daripada mereka, yang tidak pun mendekati ketinggian pangkat mereka?

Di dalam sebuah hadis qudsi, Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam telah menceritakan bahawa Allāh telah berfirman, “Sesiapa yang ingin memuliakanKu, hendaklah memuliakan mereka yang Aku cintai.” Dan baginda telah bertanya, “Yā Rabb, siapakah yang Engkau cintai?” Dia telah menjawab, “Orang-orang yang berilmu (al-‘ulamā’).”

Ketahuilah, penghulu-penghulu bagi manusia itu ada tiga jenis: Para malaikat, nabi-nabi dan sultan-sultan (as-salāṭīn). Dan kesemua mereka telah memuliakan orang-orang yang berilmu: para malaikat kepada Ādam ‘alaihissalām, Mūsā ‘alaihissalām kepada al-Khaḍir ‘alaihissalām dan ‘Azīz negara Mesir kepada Yūsuf ‘alaihissalām. Dan sesiapa yang memuliakan orang yang dimuliakan oleh Allāh, adalah seorang mukmin. Dan sesiapa yang menghinakan mereka [yang telah dimuliakan oleh Allāh], telah keluar dari bulatan keimanan.

Dan amal-amal itu bergantung kepada niat. Maka sesiapa yang memberikan penghormatan ini kerana ingin mencontohi perintah Allāh dan rasulNya ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, maka dia akan diberikan kebaikan. Dan sesiapa yang memiliki kepercayaan yang salah dan ianya nyata kepada kami, maka adalah menjadi kewajipan kami untuk memimpinnnya kepada kebenaran, dan tidak membiarkannya berpaut pada kepercayaan yang salah itu. Dan perkara melarang menunjukkan penghormatan kepada al-‘ulamā’ yang menjadi hak mereka, adalah termasuk ke dalam sifat membesarkan diri sendiri (kibr).

Dan Allāh Ta‘ālā telah berfirman (Sūrah an-Naḥl ayat 29, yang bermafhum), “Sesungguhnya amatlah buruk tempat tinggal orang-orang yang membesarkan diri”, yakni neraka jahanam.”

Maka Nāṣir al-Kubaibī pun berkata, “Pada pendapat kami, perkara seperti ini termasuk ke dalam syirik!”

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Subḥānallāh! Aku memberikan bukit-bukti dari al-Kitāb dan as-Sunnah, dan engkau mengatakan yang ianya syirik! Ini adalah satu kesesatan yang besar!”

Maka api kemarahan Nāṣir pun naik bernyala-nyala dan dia telah berkata, “Sesungguhnya syirik itu terletak di bawah serban ini,” dan dia telah menunjuk kepada serban as-Saiyid Aḥmad.

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

As-Saiyid Aḥmad telah tersenyum dan berkata, “Jikalau syirik itu adalah seperti apa yang engkau katakan, maka ia tidak akan memudaratkan kami jika engkau menisbarkannya kepada kami. Tetapi jika ia adalah seperti apa yang telah ditentukan oleh Allāh, maka kami berdiri dengan teguh, di atas pengesaan (at-tauḥīd). Dan ada pun engkau sekelian (yakni golongan Wahhābī), semoga Allāh memberikan engkau sekelian barakah, engkau sekelian telah pun mengenali kitab Al-Uṣūl wal-Qawā‘id, dan engkau sekelian telah menyangka pula bahawa segala ilmu al-Kitāb dan as-Sunnah adalah apa yang tertulis di dalam kitab ringkasan ini sahaja. Ini termasuk ke dalam seburuk-buruk kejahilan.

Allāh Ta‘ālā sendiri telah berjanji untuk memelihara agamaNya dan syariatNya, yang telah disampaikan melalui rasulNya ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam. Dan kerana itu, Dia telah menciptakan beberapa orang ‘ulamā’, yang telah mencatatkan ajaran-ajaran ini di dalam beberapa buah kitab. Dengan itu terpeliharalah syariat Muḥammad (asy-syar‘ al-muḥammadi), dengan bantuan orang-orang ahli ilmu, daripada diubah melalui tambahan atau pengurangan. Andai kata engkau sekelian (yakni golongan Wahhābī) dapat memahami tentang keluasan ilmu, yang difahami oleh orang-orang lain daripada engkau sekelian, akan terzahir kepada engkau sekelian kebenaran, dan engkau sekelian akan berjalan di atas jalan yang terang. Tetapi engkau sekelian telah meletakkan beban kesempitan di atas diri-dirimu sendiri, maka menjadi sempitlah jalan itu kepada engkau sekelian. Dan engkau sekelian telah memperkecilkan Islam dengan mengatakan bahawa Islam adalah apa yang engkau ketahui sahaja, dan mendakwa pula engkau sekelian sahajalah orang-orang yang terselamat dan orang-orang lain akan binasa. Ini adalah kesempitan cara berfikir dan pengerasan hati. Semoga Allāh memberikan kami dan engkau sekelian petunjuk.”

Telah berkata pula Nāṣir, “Dan engkau wahai Aḥmad, suka menafsirkan al-Quran dengan sesuatu yang tidak bersesuaian dengan Bahasa Arab. Sesungguhnya, Allāh telah berfirman (Sūrah Yūsuf ayat kedua, yang bermafhum), “Sesungguhnya, Kami telah menurunkan al-Quran [di dalam Bahasa] Arab.” Dan [penafsiran begini] adalah satu perbuatan memutar-belitkan makna bagi kitab Allāh Ta‘ālā!”

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Allāh Ta‘ālā telah melarang kita daripada memberikan tafsir bagi al-Quran dengan sesuatu yang lain daripada makna yang dikehendaki secara zahir. Tafsiran-tafsiran kami mengenai ayat-ayat suci itu memang sudah menjadi terkenal, dan kami memberikan tafsiran berdasarkan makna-makna yang zahir di dalam Bahasa Arab. Pada pendapat kami, adalah penting untuk memberikan



## Biografi al-Imām as-Saiyid Ahmad ibn Idrīs al-Fāsī

perhatian kepada makna-makna yang zahir terlebih dahulu, kerana seseorang itu tidak akan dapat sampai kepada makna-makna yang batin sebelum dia telah memahami dahulu makna-makna yang zahir. Sesiapa yang mendakwa memiliki pemahaman mengenai rahsia-rahsia al-Quran tanpa memiliki kepakaran mengenai tafsir-tafsirnya yang zahir, adalah seperti seorang manusia yang mendakwa telah sampai ke tengah-tengah rumah tanpa memasuki pintunya terlebih dahulu! (Ungkapan ini pernah diucapkan oleh al-Imām Jalāluddīn Abū al-Faḍl ‘Abdur Raḥmān ibn Abū Bakr as-Suyūṭī.)

Dan kami pula, alḥamdulillāh, adalah dari golongan yang telah pun memiliki kepakaran dalam tafsir-tafsir yang zahir. Kami juga tidak menafikan yang di dalam ayat-ayat al-Quran itu ada terkandung makna-makna yang halus (yakni yang tidak nyata), yang akan tersingkap kepada mereka yang sedang mengikuti jalan ini, dan yang dapat dihubungkan dengan makna-maknanya yang zahir. Mengenal pasti fakta ini termasuk ke dalam kemurnian imān dan kesempurnaan ‘irfān. Dan kepada fakta inilah ditunjukkan hadis [yang bermafhum], “Setiap ayat mempunyai makna yang zahir dan makna yang batin, dan setiap huruf mempunyai had, dan setiap had mempunyai permulaannya.”

Telah berkata Abū ad-Dardā’, semoga dia diredai Allāh, “Tiadalah seseorang lelaki itu dikatakan seorang faqīh yang sempurna, sehingga dia mampu untuk memberikan wajah-wajah (yakni makna-makna yang tersirat) bagi al-Quran.”

Dan telah berkata pula Ibn Mas‘ūd, semoga dia diredai Allāh, “Jika ada sesiapa yang menghendaki ilmu orang-orang terdahulu dan orang-orang terkemudian, hendaklah dia memilih al-Quran.”

Dan telah berkata pula Pintu Kota Ilmu – yakni ilmu bagi yang terpilih – ‘Alī ibn Abū Ṭālib, semoga Allāh memuliakan wajahnya, “Jika aku mahu, aku mampu untuk memberikan tafsir al-Quran yang dapat memuatkan (yakni muat untuk diletakkan sebagai pikulan atau beban di atas) tujuh puluh ekor unta.”

Dan tidaklah perkara ini berlaku hasil daripada pemahaman dari yang zahir sahaja. Tetapi, memahami yang zahir hasil daripada mengetahui sebab-sebab ayat-ayat itu diturunkan, dan apakah maknanya di dalam penggunaan Bahasa Arab. Kemudian, pemahaman batin dari ayat-ayat al-Quran, yang difahami oleh orang yang hatinya telah dibukakan oleh Allāh. Sesiapa yang bertaqwa kepada Allāh, akan diajarkan olehNya apa yang tidak dia ketahui.”

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

Al-Kubaibī telah diam sebentar kerana dia tidak berupaya untuk memberikan sebarang jawapan. Kemudian, dia telah berkata, “Wahai Aḥmad, engkau telah melengahkan-lengahkan solat Asar sehingga ke akhir waktunya, dan ini bukanlah perkara yang baik.”

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Bukanlah tujuan kami ataupun maksud kami untuk mensia-siakan solat itu. Tiadalah kami memasuki solat itu melainkan pada awal waktunya, tetapi ia dipanjangkan kerana mencontohi sebuah perbuatan Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam.

Pernah baginda memulakan solatnya ketika seorang lelaki bertolak ke Qubā’, yang terletak lebih kurang dua batu dari [pusat bandar] al-Madīnah al-Munawwarah. Ketika si lelaki itu pulang, baginda masih lagi melakukan rakaat pertama solat Zuhur, dan ketika masuk waktu solat Asar, solat Zuhur itu masih baru separuh sahaja diselesaikan.

Dan Abū Bakr, semoga dia diredai Allāh, pernah membaca Sūrah al-Baqarah di dalam solat Subuh. Ketika dia selesai mengucapkan salam di akhir solat itu, telah berkata seorang sahabat kepadanya, “Matahari sudah pun naik terang benderang.” Dia telah menjawab, “Walaupun ia sudah naik terang benderang, engkau tidak akan mendapati yang kami ini lalai.”

Adapun bagi pihak kami, walaupun matahari sudah tenggelam, engkau tidak akan mendapati yang kami ini lalai. Kami tidak dilalaikan daripada bersolat oleh kekayaan atau hal-hal keduniaan. Bahkan, itulah (yakni solat itulah) yang menjadi tumpuan kami. Sesiapa yang tidak mengetahui cara bersolat yang telah dilakukan oleh al-Muṣṭafā ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, akan membantah secara begini.”

Maka al-Kubaibī telah berkata lagi, “Sesungguhnya baginda ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam telah bersabda [hadis yang diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī yang bermafhum], “Sesiapa yang mengimamkan manusia, hendaklah dia meringankannya (yakni memendekkan solatnya).””

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Ini adalah satu perbuatan meletakkan dalil bukan pada tempatnya, kerana lelaki yang baginda maksudkan itu telah bersolat Maghrib dengan membaca Sūrah al-A‘rāf, dan ia terdiri daripada 206 potong ayat.

Hadis-hadis itu tidak bercanggah sesama sendiri. Memendekkan sembahyang adalah satu perkara yang bergantung kepada keadaan si imam. Setiap keadaan mempunyai peraturannya sendiri. Sesungguhnya, al-Muṣṭafā ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam telah memulakan solatnya dengan berniat untuk memanjangkannya, tetapi setelah baginda terdengar suara

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

seorang bayi menangis, baginda telah memendekkan solatnya agar tidak menyusahkan ibu kepada si bayi itu.

Semua sahabat-sahabat (yakni murid-murid) kami adalah orang-orang yang asing, dan mereka telah mengasingkan diri mereka untuk beribadah, dan tiadalah mereka disibukkan melainkan dengannya, dan dengan penumpuan (yakni konsentrasi) di dalam ibadah itu.

Maka kami pun memanjangkan sembahyang itu kerana mereka, dan memang itulah yang diinginkan oleh mereka. Dan tiada pula mereka itu merasa letih, kerana sembahyang itu merupakan satu kerehatan bagi setiap mukmin, sebagaimana yang pernah disabdakan oleh Penghulu Bagi Orang-Orang Mukminin, ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam [hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī dan yang bermafhum], “Wahai Bilāl, rehatkanlah kami dengan solat.”

Dan telah berfirman Allāh Ta‘ālā [Sūrah al-Baqarah ayat ke-45 yang bermafhum], “Sesungguhnya ia (yakni solat) adalah satu keberatan, melainkan bagi orang-orang yang khusyuk.”

Maka tiadalah sembahyang itu memberatkan bagi mereka. Tidaklah ini bermakna yang ia ringan di dalam hati mereka. Akan tetapi, mereka tidak menganggapnya sebagai sesuatu yang memberatkan, dan memandangnya sebagai satu kerehatan besar, kerana ia merupakan munajat di antara si hamba dengan Tuhannya Yang Maha Tinggi. Dan telah disifatkan bahawa si munafik itu pula adalah seorang yang tidak datang untuk bersolat melainkan sesudah solat itu selesai, dan kemudian “mematuk-matuknya” seperti patukan si burung gagak [mematuk-matuk bangkai].”

Kemudian al-Kubaibī telah berkata, “Dan engkau sekalian pernah melambat-lambatkan solat Maghrib hingga hampir-hampir masuk waktu solat Isyak. Ini adalah satu bidaah. Dan menyibukkan diri dengan dua rakaat sebelum solat Maghrib dan memanjangkannya adalah menyalahi as-Sunnah.”

As-Saiyid Aḥmad telah berkata kepadanya, “Adapun perbuatan melambat-lambatkan solat Maghrib, kami telah melarang dilakukan solat sewaktu matahari sedang tenggelam. Tetapi, di dalam memanjangkan solat itu, kami melakukannya berdasarkan as-Sunnah.

Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam pernah membaca Sūrah aṭ-Ṭūr ketika melakukan solat dua rakaat, dan telah juga membaca beberapa surah panjang yang lain, sebagaimana yang telah diketahui. Tiada

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

mengapa jika masuk waktu solat Isyak, kerana kami sedang melakukan ketaatan.

Adapun dua rakaat sebelum solat Maghrib, ia merupakan satu sunnah yang telah ditinggalkan oleh orang ramai. Telah terkumpul di dalamnya tiga jenis sunnah: perbuatan baginda, perkataan baginda dan pengesahan baginda. Maka, kami telah menganggapnya sebagai satu sunnah, dan tidak akan meninggalkannya. Walaupun orang ramai telah meninggalkannya, ia tidak bermakna yang kami mesti meninggalkannya juga. Bahkan, ia adalah satu sunnah belaka. Maka, pengingkaran itu sepatutnya ditujukan kepada orang yang mengingkari kesunahannya, bukan kepada orang yang mengamalkannya. Maka camkanlah apa yang engkau ucapkan itu!”

Al-Kubaibī telah menjadi diam seketika. Kemudian, ‘Abdullāh ibn as-Surūr telah berkata kepadanya, “Engkau telah lupa untuk menyebutkan perkara-perkara yang telah dilakukan oleh para pengikutnya”, sambil memegang salinan catitan itu di tangannya.

Maka dia (yakni al-Kubaibī) pun berkata, “Benar, wahai Aḥmad. Para pengikutmu melakukan kemungkar!”

Sambil memegang salinan catitan itu, dia telah menyenaraikannya.

Selama ini, as-Saiyid Aḥmad telah bersandar di atas kerusinya, tetapi dengan tiba-tiba, dia telah duduk tegak di tengah-tengah bangku dan telah berkata, “Dengarkan ini, dan ambillah daripadaku jawapan-jawapan bagi perkara ini secara menyeluruh dan secara terperinci, agar engkau memperoleh manfaat di dalam hal ini dan juga penerangan, kerana engkau sesungguhnya tidak memiliki ilmu yang mencukupi.”

Nāṣir al-Kubaibī pun menjawab, “Berikanlah [jawapan itu]!”

Maka telah berkata pula as-Saiyid Aḥmad, “Siapakah yang lebih baik, para sahabatku atau para sahabat Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam?”

Al-Kubaibī telah menjawab, “Sudah tentu para sahabat Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam, kerana mereka adalah generasi terbaik.”

Maka bertanya pula as-Saiyid Aḥmad, “Sudahkah engkau membaca al-Quran?”

Dia (yakni al-Kubaibī) telah menjawab, “Aku sudah membacanya.”

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

As-Saiyid Aḥmad telah berkata pula , “Adakah engkau berjumpa dengan kata-kata daripada Dia Yang Maha Tinggi, “Si perempuan pezina dan si lelaki pezina” (mafhum ayat ke-2 Sūrah an-Nūr), “Dan si pencuri lelaki dan si pencuri perempuan” (mafhum ayat ke-38 Sūrah al-Mā'idah), “Dan siapa yang menderhaka kepada Allāh dan rasulNya” (mafhum ayat ke-14 Sūrah an-Nisā'), “Janganlah engkau memakan harta dari kalangan engkau sekelian secara salah” (mafhum ayat ke-188 Sūrah al-Baqarah), “Janganlah engkau sekelian memakan riba berlipat-ganda” (mafhum ayat ke-130 Sūrah Āli 'Imrān), “Janganlah engkau membunuh seseorang yang diharamkan oleh Allāh kecuali dengan hak” (mafhum ayat ke-33 Sūrah al-Isrā'), “Sesiapa yang mensyirikkan Allāh, maka Allāh mengharamkan syurga ke atasnya” (mafhum ayat ke-72 Sūrah al-Mā'idah), “Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak-anak panah adalah dari amalan syaitan yang terkeji” (mafhum ayat ke-90 Sūrah al-Mā'idah) ?”

Dia (yakni al-Kubaibī) telah menjawab, “Ya!”

Maka telah bertanya pula as-Saiyid Aḥmad, “Ini adalah di antara dosa-dosa yang terbesar. Adakah diturunkan ayat-ayat ini kerana sebab-sebab yang tertentu, atau tanpa sebab-sebab yang tertentu?”

Al-Kubaibī telah menjawab, “Dengan sebab-sebab tertentu.”

Maka telah berkata pula as-Saiyid Aḥmad, “Sifat terpelihara daripada dosa itu tidak diberikan kepada yang lain daripada golongan al-anbiyā', semoga mereka dikurniakan kesejahteraan, dan setiap keturunan Ādam melakukan dosa, seperti yang pernah disebutkan di dalam hadis (diriwayatkan oleh al-Imām al-Bukhārī).

Lagipun, jika apa yang engkau katakan itu benar, kami tidak boleh bertindak sebagai pengintip. Bahkan, kami akan berkata sebagaimana yang telah dikatakan oleh Pembawa Syariat, “Sesiapa yang melakukan dosa [di dalam keadaan bersembunyi], biarlah dia ditutup oleh tutupan Allāh. Dan sesiapa yang menampakkannya kepada kami, akan kami hukurnya dengan hukum-hukum Allāh Ta'ālā.”

Pernah seorang lelaki datang menemui Ibn Mas'ūd, semoga dia diredai Allāh, dan telah berkata, “Di sini ada beberapa orang sedang meminum arak di belakang pintu-pintu tertutup.”

Ibn Mas'ūd telah berkata pula, “Wahai engkau! Mengintip-ngintip itu adalah dilarang untuk kita!”

## Biografi al-Imām as-Saiyid Ahmad ibn Idrīs al-Fāsī

Dari itu, memperkatakannya, dan mencatatkannya di dalam sepucuk surat, dan menganggapnya sebagai dosa-dosa kami, adalah satu dosa yang lebih besar untuk engkau sekalian, kerana berkata-kata seperti ini adalah satu kemaksiatan, dan di dalam kata-kata ini ada satu lontaran tohmah.

Engkau sendiri sudah tentu mengetahui yang Allāh telah berfirman [ayat ke-13 Sūrah an-Nūr yang bermafhum], “Maka oleh kerana mereka tidak mendatangkan saksi-saksi, di sisi Allāh merekalah orang-orang yang berdusta.”

Dan sesiapa yang meriwayatkan dari catitan-catitan di dalam surat ini, tanpa mengikuti peraturan-peraturan syarak sepenuhnya, akan kami katakan kepadanya, “Engkau adalah seorang pendusta,” sebagaimana yang telah dikatakan oleh Allāh sendiri, sekalipun apa yang dia katakan itu adalah benar. Kerana, di dalam urusan ini, kebenarannya itu sendiri adalah satu pendustaaan di sisi Allāh. Dari itu, jika ada sesiapa daripada engkau sekalian, ataupun ada orang lain, yang berkata-kata seperti ini tanpa mendatangkan saksi-saksi yang diperlukannya, maka dia adalah seorang pendusta berdasarkan nas dari kitab Allāh.

Adapun jawapanku yang terperinci, dengarkanlah dengan sepenuh perhatian:

Ketahuilah, segala penciptaan dan perintah itu adalah milik Allāh Tabāraka Wa Ta‘ālā. Dia telah mencipta makhluk untuk beribadat kepadaNya. Dua ribu tahun sebelum Dia mencipta mereka, Dia telah menentukan takdir segala makhlukNya di Loh Mahfuz. Dan Dia Maha Mengetahui akan kesudahan hamba-hambaNya – siapa di antara mereka yang akan beriman dan siapa yang akan menjadi kafir, siapa yang akan taat dan siapa yang akan derhaka, siapa yang akan bahagia dan siapa yang akan celaka. Dia disifatkan dengan sifat-sifat yang tinggi: ar-Raḥmān (Yang Pengasih), ar-Raḥīm (Yang Penyayang), al-Ghafūr (Yang Pengampun), al-Ghaffār (Yang Mengampunkan), as-Sattār (Yang Menutup Dosa), al-‘Afuw (Yang Pemaaf), al-Jabbār (Yang Perkasa), al-Muntaqim (Yang Menuntut Bela), dan yang lain-lain lagi dari nama-namaNya yang baik (asmā’ ihil-ḥusnā), Yang Indah dan Yang Agung. Dan Dia juga telah menciptakan dua tempat tinggal bersama-samanya (yakni bersama-sama dengan penciptaan para makhlukNya), sebuah tempat tinggal untuk yang mentaatiNya dan sebuah tempat tinggal lain untuk yang membuat maksiat kepadaNya.

Maka dengan itu, wujudnya para pendosa dan dosa-dosa mereka di atas bumi ini adalah satu kepastian, sebagaimana yang telah dikatakan

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

oleh para malaikat sewaktu penciptaan Bapa Segala Manusia, di mana mereka telah menanyakan hikmah penciptaan Ādam ‘alaihissalām (ayat ke-30 Sūrah al-Baqarah yang bermafhum), “Adakah Engkau akan meletakkan di atasnya (yakni bumi) seorang yang akan membuat kerosakan dan menumpahkan darah di atasnya, sedangkan kami pula bertasbih, bertahmid dan bertaqdis kepadamu?” Maka Dia telah berkata, “Aku lebih mengetahui apa yang engkau sekalian tidak mengetahui.”” Dengan itu, Zat Yang Maha Benar, Yang Maha Agung telah memotong bantahan mereka.

Adalah satu kemustahilan jika tidak wujud dosa-dosa di antara para mukalaf yang tidak dikurniakan oleh Allāh sifat ma‘ṣūm ketika mereka melaksanakan apa yang telah dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Kerana, jika tiada orang yang berbuat maksiat, tiadalah menjadi jelas kelebihan orang yang taat. Kalaulah tidak kerana kepahitan penyakit, tiadalah diketahui kelebihan keadaan sihat afiat. Kalaulah tidak kerana penderitaan akibat daripada kelaparan dan kedahagaan, tiadalah dapat diketahui kelebihan kekenyangan dan kelegaian daripada dahaga. Kalaulah tidak kerana rasa ketakutan, tiadalah diketahui kelebihan keamanan. Dan senarai ini boleh dilanjutkan seterusnya. “Dan melalui lawannyalah sesuatu perkara itu menjadi jelas.”

Lagi pun, sekiranya semua manusia taat kepada Allāh Ta‘ālā, sehingga tiada sesiapa pun yang membuat dosa, maka banyaklah dari nama-namaNya yang baik (asmā’ihil-ḥusnā), yang berkaitan dengan pengampunan, rahmat dan penutupan dosa, akan berhenti beroperasi, kerana nama-nama itu adalah penzahiran dari kesan melakukan dosa [oleh makhluk-makhluk]. Dan penciptaan neraka pula akan menjadi sia-sia.

Oleh itu, perbuatan melakukan dosa-dosa oleh para mukalaf adalah mengikuti al-ḥikmah ar-rabbāniyyah, kerana mereka tidak mampu untuk menilaikan Allāh dengan nilaiNya yang sebenar, dan lagi tidaklah di dalam keupayaan si makhluk untuk dapat memberi petunjuk kepada setiap orang. Sesungguhnya, Allāh telah berfirman kepada Rasūlullāh ṣallallāhu ‘alaihi wa sallam (ayat ke-103 Sūrah Yūsuf yang bermafhum), “Walaupun engkau menghendakinya, kebanyakan daripada manusia tidak akan beriman.”

Dan ini adalah rahsia bagi ketetapan makhluk, yang telah disedari oleh al-‘ulamā’ yang ternama dan wali-wali Allāh yang besar, dan ia telah diterima oleh mereka dengan rela. Dan tidaklah ia menafikan apa yang telah dipertanggungjawabkan ke atas kita oleh syarak mengenai “menyuruh

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

kepada kebaikan dan menegah daripada kejahatan”. Malah, setiap mukmin mestilah membimbing kepada apa yang telah diwajibkan oleh Allāh ke atas dirinya, dan menegah apa-apa jua kejahatan yang dia ketahui.

Dia mesti merasa marah kerana Allāh, jika ada sesiapa menderhakai perintahNya atau melanggar laranganNya. Dan petunjuk itu berada di Tangan si Pencipta, dan sesungguhnya Dia membezakan di antara orang-orang yang mengikuti petunjuk dan orang-orang yang sesat.”

Kemudian as-Saiyid Aḥmad telah berkata-kata dengan beberapa kata nasihat, dengan cara yang dapat melembutkan batu dan membuat menggigil sesiapa yang hadir fikiran dan hatinya. Pena ini tidak berdaya untuk menjelaskannya! Jika aku menyatakannya, akan terjadilah fitnah bagi sesiapa yang tidak pernah menyelam ke dalam lautan yang dalam ini. Dalam hal ini, kita boleh ucapkan [petikan dari sebuah puisi]:

Apalah erti lautan dan segala keadaannya bagiku,  
Aku menerima rezeki daripada Allāh [sedang aku berada] di pantai.

Perkara-perkara ini tidaklah tersembunyi daripada saudaraku yang mulia (surat ini ditulis kepada as-Saiyid Muḥammad ibn ‘Abdur Raḥmān ibn Sulaimān al-Ahdal), semoga dipanjangkan umurnya. Dia memiliki perbendaharaan daripada isyarat-isyarat ini.

Kemudian, as-Saiyid (yakni al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs) telah berkata, “Bukanlah daripada kebaikan bagi engkau sekalian untuk mengira-ngira kesalahan orang lain, dan kemudian mentohmahkan kami dengan menisbahkan keaiban-aiban itu kepada kami. “Setiap jiwa akan dipertanggungjawabkan di atas apa yang dilakukannya.” (Mafhum Sūrah al-Muddaththir ayat ke-38.)

Andaikata kami mengetahui yang sahabat-sahabat (yakni anak-anak murid) kami melakukan apa yang telah engkau dakwakan, kami tidak akan berdiam diri. Malah, kami akan menemui mereka dengan kemarahan demi Allāh Ta‘ala, dan kami akan menasihatkan mereka agar bertaubat. Tetapi, kami tidak mengetahui akan hal yang demikian, dan tidak akan melayani perkara ini, kerana tidaklah perlu untuk melayani urusan-urusan sebegini. Orang-orang yang telah sempurna akan melihat kepada kebaikan di dalam beramal, sedangkan mereka yang belum sempurna, hanya melihat kepada keaiban lelaki-lelaki lain sahaja.”

Al-Kubaibī menundukkan kepalanya dan telah tenggelam di lautan dalam yang tidak dapat direnangnya. Kefahamannya tidak mencakupi



## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

ilmu-ilmu sebegini. Nasibnya adalah setakat mendengar tanpa dapat memahami akan kehalusan perkara-perkara ini.

Dia telah berkata, “Hanya tinggal satu masalah sahaja. Engkau dan sahabat-sahabat engkau telah berkata yang ilmu syariat itu hanya satu kerasmian sahaja, dan adalah umpama kulit tanpa isi.”

Kemudian, as-Saiyid Aḥmad telah menjawab pula, “Ini adalah majlis pertama di mana engkau bertemu denganku. Adakah engkau pernah mendengar perkara ini langsung daripadaku, atau adakah seorang lain yang boleh dipercayai yang telah melaporkannya menegenai? Adalah tidak patut engkau menghukum kami berdasarkan sesuatu yang tidak pernah kami ucapkan!”

Al-Kubaibī telah berkata, “Orang ramai telah mengatakannya!”

Telah berkata pula as-Saiyid Aḥmad, “Syaitanlah yang telah membisikkan kepada orang-orang yang tidak menahan diri mereka dengan batasan syariat, untuk menuduh orang-orang lain dengan berkata, “Orang ramai telah berkata, orang ramai telah berkata, orang ramai telah berkata!””

Kemudian al-Kubaibī telah berkata, “Wahai Aḥmad, para sahabat engkau yang dengan terang-terang telah mengisytiharkannya.”

As-Saiyid Aḥmad telah menjawab, “Jangan engkau tambahkan lagi rungutanmu! Diamlah! Di dalam pandangan kami, ilmu itu adalah Allāh telah berkata [sekian-sekian], dan rasulNya telah berkata [sekian-sekian]. Dan tiadalah ini melainkan al-Kitāb dan as-Sunnah. Apa jua yang terkandung di dalam ilmu-ilmu Bahasa Arab, adalah mengikutinya. Sesiapa yang tidak mengetahuinya, tiadalah dia mengetahui al-Kitāb dan as-Sunnah, kerana al-Quran itu telah diturunkan di dalam bahasa orang-orang Arab. Apa-apa jua yang terkandung di dalam ilmu-ilmu al-furū‘ adalah bercabang daripadanya, dan bergantung kepadanya. Dan kesimpulannya ialah, segala hukum-hukum yang berbentuk prinsip asal atau cabang-cabangnya (far‘ī), yang telah diisyaratkan oleh al-Kitāb dan as-Sunnah melalui jalan-jalan mu‘tabarah, adalah wajib bagi kita untuk mengikutinya dan juga untuk membimbing manusia kepadanya.

Apa jua ilmu yang menyalahi al-Kitāb dan as-Sunnah, seperti yang dapat dilihat di dalam kitab-kitab yang berdasarkan pendapat-pendapat persendirian (ar-ra’y), atau yang telah dikarang oleh ahli-ahli falsafah yang membuat penetapan berdasarkan fikiran akalanya, atau yang telah dikarang oleh mereka yang mendasarkan agama mereka bukan pada fikiran akal

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsi

mahupun syarak, maka semuanya ini adalah satu kerasmian yang tidak diizinkan bagi si mukmin untuk menjadikannya dasar bagi agama Allāh.

Fanatisisme (al-‘aşabiyyah) di dalam bermazhab, dan terbentuknya perpecahan, dan perbuatan saling menuduh orang lain sebagai murtad, seolah-olah ianya adalah kerana keberlainan agama (milal), yang dapat dilihat oleh mereka yang memahami dunia dan membaca tulisan orang lain – perkara-perkara seperti ini tiada kami senangi, dan kami melarang setiap muslim daripada mempunyai sebarang hubungan dengannya, kerana mereka (yakni kaum muslimin) adalah umat yang satu, sebaik-baik umat, dan rasul mereka juga satu, dan kitab mereka juga satu, dan arah kiblat mereka juga satu. Maka, bagaimanakah boleh terjadinya kepada kita perpecahan, dan ta‘aşşub ? Kami memang selalu melarang manusia daripada mempunyai sebarang kaitan dengan mereka (yakni orang-orang yang menyebabkan perpecahan dalam umat dan tertanam pula benih fanatisisme), sama ada di Tanah Haram, atau pun di tempat-tempat lain. Dan segala pujian adalah bagi Allāh dalam setiap keadaan!

Tiada satu kejadian pun yang berlaku di dalam dunia ini melainkan tujuannya boleh kita perolehi dari kitab Allāh Ta‘ālā: “Tidakkah sudah mencukupi bagi mereka bahawa Kami telah menurunkan al-Kitāb ke atas engkau untuk dibacakan kepada mereka?” (mafhum dari ayat ke-51 Sūrah al-‘Ankabūt). Dan as-Sunnah pula adalah satu penerangan bagi al-Kitāb. Sesiapa yang mengetahuinya telah mengetahuinya dan sesiapa yang jahil mengenainya memang tidak mengetahuinya. Tiada siapa pun yang mampu untuk menolak kebenaran kata-kata ini daripada kami. Tetapi kebanyakan manusia lebih cenderung kepada makhluk daripada Allāh. Kesan daripada perkara ini boleh dilihat dari perselisihan faham dan rasa kebencian yang banyak terdapat di kalangan manusia: “Tuhan engkau tidak lalai dari apa yang diperbuat oleh mereka” (mafhum dari ayat ke-132 Sūrah al-An‘ām). Dia mungkin menundakan [hukuman itu] tetapi Dia tidak pernah lupa.”

Di sini, segala rungutan al-Kubaibī pun berhenti, dan dia tidak lagi tahu apa yang hendak diucapkannya. Dia pun berkata, “Matahari sudah hampir-hampir tenggelam, dan ada lagi beberapa perkara yang masih hendak aku sebutkan.”

Maka telah berkata pula as-Saiyid aṭ-Ṭaiyib ibn Muḥammad (yakni anak saudara kepada as-Syaikh Aḥmad ibn Idrīs), “Andaikata matahari sudah tenggelam, kami akan membawa lentera-lentera dan pelita-pelita agar segala bantahanmu dapat disempurnakan.”

Kemudian dia telah membaca [petikan dari sebuah rangkap puisi]:

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Apabila si anak unta diikat dengan rakan-rakannya,  
Ia tidak akan berupaya untuk melompat di atas yang lebih tinggi!

Walau bagaimanapun, al-Kubaibī tidak mahu mendengar, malah dia telah bangun dan terus meninggalkan majlis itu. Maka ahli-ahli majlis itu pun bersurai. Tukang azan pun melaungkan azan untuk menandakan waktu solat Maghrib. As-Saiyid Aḥmad lalu melangkah ke hadapan dan telah melakukan solat bersama-sama manusia . . .

Di akhir perdebatan itu, nyatalah al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah mendapat kemenangan di atas musuh-musuhnya. Pada keesokan harinya, ‘Alī ibn Mujaththal telah meminta maaf daripada al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs, dan telah mengatakan yang dia telah ditipu oleh golongan al-fuqahā’ yang iri hati itu. Dan al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs pula telah menasihatkannya supaya lebih berhati-hati di dalam memilih orang-orang yang dikatakan berilmu, untuk dijadikan para penasihatnya.



Bersolat sunat di Rauḍah Masjid an-Nabawī

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

Mengikuti satu sumber yang lain, al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs juga telah berkata yang beliau telah membaca kitab-kitab tulisan asy-Syaikh Ibn al-‘Arabī, dan telah mendapati kandungannya bersesuaian dengan al-Kitāb dan as-Sunnah. Al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs telah berkata selanjutnya:

Janganlah engkau sekalian lupa, semoga Allāh merahmati engkau sekalian, walaupun ada beberapa orang insan yang telah mencerca Ibn al-‘Arabī, tetapi ada pula beberapa orang lain yang telah memujinya, termasuklah beberapa orang ‘ulamā’ besar, yang telah mengakui akan ketinggianya.

Marilah kita elakkan diri kita daripada membuat satu kesilapan yang besar. Sebaik-baik jalan ialah dengan kita menyangka baik orang lain. Dan jika orang-orang yang engkau sebutkan itu telah mencercanya, lebih ramai lagi orang-orang yang telah memujinya. Sejumlah besar al-‘ulamā’ dan al-auliya’ telah membenarkannya dan membelanya dari tuduhan-tuduhan yang telah dilemparkan ke atasnya.

Dan di antara mereka ialah al-Ḥāfiẓ Jalāluddīn as-Suyūṭī, yang telah menulis sebuah tulisan berjudul Tanbīh al-Ghabī Fī adh-Dhabb ‘An Ibn al-‘Arabī. Kami sebutkan juga di sini tulisan-tulisan oleh al-Qaiṣarī, al-Barzanjī, Ibn Jamā‘ah, dan pengarang kitab al-Qāmūs, Muḥammad ibn Ya‘qūb al-Firūzābādī, yang telah berkata mengenainya [melalui rangkap puisinya],

Demi Allāh, Demi Allāh, Demi Allāh yang Maha Besar,  
Demi Yang Maha Esa,  
Yang telah membangkitkannya sebagai bukti ke atasNya dan penunjuk  
kepadaNya,  
Apa yang telah aku nyatakan hanyalah sebahagian daripada kelebihan-  
kelebihannya,  
Tiada aku tambahkan kerana takut menjadikan senarainya kurang sempurna.

Dan telah dikatakan oleh [asy-Syaikh ‘Abdul Wahhāb] asy-Sya‘rānī di dalam sebuah tulisannya bahawa beberapa orang ‘ulamā’ telah melaporkan bahawa bahagian-bahagian yang telah dikatakan mengandungi kekufuran di dalam kitab [tulisan Ibn al-‘Arabī] al-Futūḥāt al-Makkiyyah itu sebenarnya adalah tambahan yang telah diselitkan oleh orang-orang Yahudi.

Dia (yakni asy-Syaikh ‘Abdul Wahhāb asy-Sya‘rānī) juga telah berkata, “Aku telah memeriksa naskhah asli itu di dalam tulisan tangannya sendiri, dan tiada aku dapati segala [tambahan yang mengandungi

## Biografi al-Imām as-Saiyid Aḥmad ibn Idrīs al-Fāsī

kekufuran] itu, dan telah aku tuliskan pula sebuah ringkasan mengenainya.”

Mereka telah menuduhnya sebagai seorang kafir berdasarkan beberapa kenyataan yang didakwa telah dibuat olehnya. Tetapi tiada seorang pun daripada mereka yang telah sempat bertemu dengannya. Mereka telah menuduhnya hanya berdasarkan apa yang telah dikatakan oleh orang-orang lain, bukanlah berdasarkan pertemuan mereka sendiri dengannya. Inilah pegangan kami, dan Allāh jua Yang Lebih Mengetahui.